

Perbadanan Pembangunan Industri Halal ditubuh

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
dan AINUL ASNIERA AHSAN

KUALA LUMPUR 8 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini mengumumkan penubuhan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) sebagai persediaan menjadikan Malaysia peneraju hab halal terkemuka dunia.

Beliau berkata, ia diletakkan di bawah Badan Bertindak Pelaksanaan Kebangsaan (NITF) sekali gus menjadi sebuah institusi yang bakal memfokuskan usaha untuk memajukan industri halal di negara ini.

Beliau berkata, dengan adanya satu struktur seperti HDC, ia akan mempercepatkan segala keputusan berkaitan industri terbabit.

"Penubuhannya bertepatan dengan matlamat kerajaan untuk meletakkan Malaysia peneraju hab halal," katanya ketika berucap pada majlis perasmian jamuan makan malam Forum Halal Sedunia (WHF) di sini.

Turut hadir ialah Pengerusi WHF, Khairy Jamaluddin dan Pengarah Urusan KasehDia Sdn. Bhd., Jumaatun Azmi yang juga bertindak sebagai penganjur WHF.

Forum yang berlangsung selama dua hari itu dihadiri oleh 500 peserta yang terlibat dalam industri halal di seluruh dunia.

Abdullah turut menggariskan tujuh peranan dan tanggungjawab HDC iaitu:

- Menjadi peneraju kepada penetapan piawaian halal termasuk proses mengaudit, pengeluaran sijil halal bagi melindungi integriti halal.

- Mengarah serta menyelaras pamban-



ABDULLAH Ahmad Badawi (empat dari kanan) serta Khairy Jamaluddin (enam dari kanan) dan Jumaatun Azmi bergambar bersama lapan penerima anugerah selepas majlis perasmian Forum Halal Sedunia (WHF) di Kuala Lumpur, malam tadi.

Penubuhan HDC bertepatan dengan matlamat kerajaan untuk meletakkan Malaysia peneraju hab halal

ABDULLAH
AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

gunan industri halal di negara ini antara semua pihak khususnya antara kerajaan dan swasta.

- Mengarah serta mengurus pembangunan pembuat barangan halal dan berkaitan dengan pembekal perkhidmatan.

- Menyokong pelaburan industri halal ke negara ini.

- Memastikan pertumbuhan penyertaan syarikat Malaysia di dalam pasaran halal di peringkat global.

- Untuk membangun, mempromosi dan memasarkan jenama halal Malaysia.

- Mempromosi konsep barangan halal dan perkhidmatan di Malaysia kepada pasaran dunia yang lebih luas.

Beliau berkata, HDC akan menjadikan

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) di sini sebagai model ke arah menjayakan program halal hab tersebut.

Pada majlis tersebut, Abdullah turut menyampaikan anugerah kepada lapan penerima Jurnal Halal.

Penerima anugerah termasuk Ketua Eksekutif Kumpulan Prima Agri-Products Sdn. Bhd., Datuk Jamaluddin Abdul Kadir sebagai Tokoh Industri Halal; Johor Corporation (Korporat Terbaik Program Kemasyarakatan); Midamar Corporation, Amerika Syarikat (Produk Halal Terbaik) dan LSG SKY Chefs-Brahims Sdn. Bhd. (Pelancongan dan Hospitaliti).